

04/10/1999

Siti Hasmah semakin sihat

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), Ahad - Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semakin sihat dan hanya perlu menjalani rawatan fisioterapi bagi memulihkan ligamen bahu kanannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menghubungi isterinya dari sini berkata, Dr Siti Hasmah juga perlu merehatkan lengannya bagi tempoh agak panjang.

"Doktor kata tiga bulan baru (lengannya) boleh bergerak dengan bebas," katanya kepada wartawan Malaysia di Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) Ketiga di sini, hari ini.

Menolak khabar angin yang mengatakan Dr Siti Hasmah diserang angin ahmar, Dr Mahathir berkata, beliau hairan kenapa orang masih mahu mempercayai khabar angin seperti itu.

Katanya, beliau tidak faham kenapa orang mahu mempercayai daripada orang yang menipu seperti berita ketika beliau ke Mekah tetapi tidak dapat mengerjakan haji.

Mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, beliau menjelaskan masih ada urusan perlu dilaksanakan termasuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogm) di Durban, bulan depan.

"Kita juga akan ada golf (Piala Dunia) dan Formula One," katanya.

(END)